BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Perutusan Gabenor

Tahun 2018 merupakan tahun yang dipenuhi pelbagai peristiwa penting. Peristiwa yang berlaku telah menekankan betapa mustahaknya kestabilan kewangan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Walaupun berhadapan dengan keadaan ketidakpastian yang semakin ketara berpunca daripada faktor dalam dan luar negeri, sistem kewangan Malaysia terus berdaya tahan. Di luar negeri, ketegangan perdagangan yang belum selesai, ketidakpastian berhubung dengan dasar serta ketidaktentuan harga komoditi telah menjejaskan keadaan pasaran kewangan dan prestasi perniagaan. Di dalam negeri pula, Malaysia mengalami perubahan tampuk pemerintahan kerajaan pada peringkat persekutuan yang tidak pernah terjadi sebelum ini. Dalam pelbagai episod ini, institusi kewangan tetap utuh dan keadaan pasaran kekal teratur bagi menyokong pengantaraan kewangan. Khususnya, aliran kredit kepada ekonomi terus disokong oleh pengaturan institusi yang sedia ada untuk menangani dengan lebih awal aset-aset bermasalah dalam segmen-segmen isi rumah dan sektor perniagaan yang menghadapi keadaan yang lebih mencabar. Keyakinan orang ramai terhadap keselamatan dan kekukuhan institusi kewangan pula terus terpelihara.

Pada tahun 2018, Bank terus berwaspada terhadap risiko yang timbul akibat hutang isi rumah yang meningkat. Walaupun risiko langsung terhadap kestabilan kewangan kebanyakannya terkawal disebabkan oleh penampan modal bank-bank yang kukuh, risiko terhadap ekonomi secara meluas dan secara tidak langsung terhadap sistem kewangan boleh menjadi serius jika isi rumah semakin terdedah kepada kejutan kewangan. Keadaan ini seterusnya akan menimbulkan kesan kepada penggunaan dalam negara. Namun begitu, risiko-risiko ini terus berkurang. Pelarasan yang berterusan dalam pasaran perumahan turut membantu mengurangkan beban hutang perumahan dan menggalakkan pasaran perumahan yang lebih mampan. Oleh yang demikian, langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menggalakkan pemberian pinjaman yang bertanggungjawab kekal relevan dan masih menjadi suatu keperluan. Dalam sektor harta tanah komersial, Bank terus bimbang terhadap potensi lebihan bekalan ruang pejabat dan runcit yang sedia ada yang berkemungkinan bertambah sehingga boleh mengakibatkan harga harta tanah menjadi

jauh lebih rendah. Dalam persekitaran pertumbuhan global yang lebih perlahan dan keadaan pasaran kewangan yang semakin tidak menentu, Bank juga terus memberikan sepenuh perhatian pada aspek penyeliaan untuk memastikan bank-bank kekal berhemat dalam menguruskan dedahan luaran mereka, termasuklah dedahan yang timbul daripada operasi luar negeri bank-bank tersebut yang semakin besar.

Berlandaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan dengan tanda-tanda keadaan kewangan global yang semakin reda berbanding dengan jangkaan pasaran sebelum ini, risiko terhadap kestabilan kewangan domestik pada tahun 2019 dijangka tidak mengalami perubahan yang ketara. Meskipun begitu, kita tidak boleh berpuas hati dengan situasi ini. Usaha menyempurnakan pelaksanaan pembaharuan kehematan Basel III yang telah dimuktamadkan pada peringkat antarabangsa pada tahun 2018 untuk aspek-aspek yang relevan di Malaysia, terus menjadi tumpuan utama pengawalan dan penyeliaan untuk memperkukuh sistem perbankan yang selamat dan mantap. Bank-bank di Malaysia juga berada pada kedudukan yang kukuh untuk melaksanakan piawaian ini, justeru mengurangkan kos jangka pendek selain memastikan daya tahan jangka panjang bagi menyokong ekonomi mengharungi masa-masa yang sukar. Dalam sektor insurans, penambahbaikan terhadap piawaian penilaian berkaitan keperluan modal telah dirancang untuk tahun hadapan. Inisiatif ini akan menyediakan asas bagi penelitian lanjut terhadap bidang yang mungkin memerlukan pengukuhan piawaian modal. Sejajar dengan pembaharuan modal dan mudah tunai, kemajuan selanjutnya dalam rancangan pemulihan dan penyelesaian akan dapat mengurangkan kesan perkembangan buruk yang menjejaskan institusi kewangan terhadap seluruh sistem kewangan dan ekonomi. Pada tahun 2019, Bank juga merancang untuk memperjelas dan menguji pengaturan pengurusan krisis sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh keupayaan sistem kewangan secara kolektif untuk bertindak balas terhadap krisis.

Dalam tahun-tahun kebelakangan ini, isu-isu berkaitan dengan budaya dan perilaku telah mendapat tumpuan berikutan pendedahan salah laku berskala besar yang melibatkan institusi kewangan dalam beberapa negara. Isu-isu ini telah berterusan sejak tahun lalu, justeru memberikan kesan buruk dari segi kewangan dan reputasi, dan seterusnya boleh menjejaskan kepercayaan terhadap sistem kewangan. Episod ini memberikan pengajaran penting tentang keperluan untuk menggalakkan dengan lebih giat budaya positif melalui nada dari atas yang jelas dan disertai dengan insentif, dasar dan amalan yang konsisten. Di Malaysia, penekanan yang lebih ketara terhadap budaya merupakan satu daripada beberapa perubahan utama yang dibuat pada piawaian tadbir urus korporat yang diterima pakai oleh institusi kewangan sejak tahun 2016. Usaha ini diiringi oleh penelitian yang lebih rapi terhadap pendorong budaya bagi perilaku dalam institusi kewangan sebagai sebahagian daripada penyeliaan Bank, selaras dengan peranan lebih aktif yang perlu dimainkan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam mempertingkatkan piawaian amalan yang bertanggungjawab dan beretika. Perundingan dengan pihak industri berhubung dengan langkah-langkah untuk memperkukuh akauntabiliti pada peringkat individu terus diadakan dan bakal menjadi langkah seterusnya pada masa hadapan.

Transformasi perkhidmatan kewangan melalui pendigitalan juga telah memperkenalkan dimensi baharu kepada pengurusan risiko Bank terhadap kestabilan kewangan. Bank secara aktif terus mengurangkan kekangan dalam usaha berinovasi, dengan mengambil penemuan dan bukti yang telah dikumpulkan daripada *Sandbox* Pengawalseliaan. Bank sedar akan potensi kemajuan dalam teknologi kewangan untuk meningkatkan kecekapan, menyokong pengurusan risiko yang lebih baik serta memberikan manfaat

yang lebih besar dan lebih inklusif kepada masyarakat. Pada masa yang sama, Bank menjangkakan risiko yang sama perlu ditangani secara konsisten di bawah rangka kerja kehematan dan amalan pasaran bagi memastikan peserta pasaran baharu mempunyai peluang sama dengan peserta yang sedia ada. Bank dan institusi kewangan juga perlu memahami risiko baharu yang dikaitkan dengan kemajuan dalam teknologi kewangan yang merangkumi risiko mudah tunai, penumpuan, operasi dan juga amalan. Yang pasti, usaha meningkatkan daya tahan operasi dan siber pada peringkat institusi dan sistem, akan menjadi bidang tumpuan utama dengan penggunaan teknologi yang lebih meluas dalam penyediaan perkhidmatan kewangan. Bank akan terus memantau dengan rapi perkembangan dalam bidang ini - dan menyesuaikan peraturan-peraturan dengan sewajarnya demi memelihara keyakinan terhadap sistem kewangan.

Pada masa hadapan, perubahan dalam keutamaan dan struktur ekonomi Malaysia akan memberikan cabaran baharu kepada sistem kewangan. Dalam Laporan ini, Bank meneliti keadaan permintaan dalam pembiayaan perniagaan kecil dan sederhana dengan lebih mendalam dan mempertimbangkan langkah-langkah dasar untuk meningkatkan lagi akses kepada pembiayaan bagi firma yang inovatif daripada bank tradisional dan juga sumber alternatif. Pembaharuan pengawalseliaan dan struktur juga sedang dilaksanakan bagi meningkatkan impak institusi kewangan pembangunan dalam mencapai keutamaan pembangunan masa kini negara secara lebih berkesan dan berterusan. Dalam kewangan Islam, kemajuan pelaksanaan strategi pengantaraan berasaskan nilai yang selanjutnya akan memperkukuh penyelarasan antara kewangan dengan ekonomi benar. Selain itu, langkah-langkah untuk mempercepat pembangunan penyelesaian insurans dan takaful bagi segmen masyarakat yang kurang menerima perkhidmatan insurans dan takaful untuk memperkukuh daya tahan mereka terhadap kejutan kewangan - dijangka mencapai kemajuan yang lebih memberangsangkan pada tahun-tahun yang akan datang. Secara kolektif, perkembangan ini akan menggalakkan pengantaraan kewangan yang berkesan bagi menyokong keperluan ekonomi yang berubah-ubah, dan pada masa yang sama mengekalkan asas-asas yang kukuh bagi kestabilan kewangan.



Nor Shamsiah Yunus
Gabenor
27 Mac 2019